




BAHAGIAN BANGUNAN,  
JKR MELAKA

Sebutharga No. : JKRM/DS/B/06/2025  
Tajuk : MENAIKTARAF KEMUDAHAN PELANCONGAN DI BALAI  
KETIBAAN DAN PELEPASAN PENGUNJUNG FERI DAN  
CRUISE DI TERMINAL JETI ICQS, KOTA LAKSAMANA,  
MELAKA  
Rujukan Fail : JKRM.B.060/100/115/2025/20/1

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), serta Sijil Taraf Bumiputera (STB) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih sah dalam **Gred:G1, Kategori: C, Pengkhususan: CE 21.**  
**(Kontraktor BUMIPUTERA yang berdaftar di dalam DAERAH MELAKA TENGAH, MELAKA dan Sistem Tender Online Melaka (STOM) sahaja).**
2. Lawatan Tapak adalah diwajibkan.
3. Permohonan dokumen Sebut harga adalah secara Atas Talian (Online). Segala Urusan Tawaran, Pembelian dan keterangan lanjut HANYA boleh dimuat turun dari SISTEM TENDER ONLINE MELAKA (STOM) yang boleh dicapai melalui alamat <http://stom.melaka.gov.my>
4. Pihak syarikat perlu melengkapkan akaun serta langganan di SISTEM TENDER ONLINE MELAKA (STOM) dengan caj langganan RM50.00 setahun dan seterusnya membuat pembelian dokumen sebut harga secara atas talian dengan harga RM20.00 bermula pada **7 Mei 2025 (Rabu) sehingga 13 Mei 2025 (Selasa)**. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimuat turun, dicetak dan diisi selengkapnya.
5. Dokumen tawaran sebut harga mestilah dikemukakan dalam sampul surat bermateri dan di alamatkan kepada Bahagian Ukur Bahan, JKR Melaka dan dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga di Pejabat Bahagian Ukur Bahan, JKR Melaka **selewat-lewatnya jam 12.00 tengahari, pada hari Selasa, 13 Mei 2025.**



  
(Ir. Rijal Nazli Bin Sulaiman)  
Jurutera Awam Penguasa  
Bahagian Bangunan  
b.p Pengarah Kerja Raya  
JKR Melaka  
Tarikh: 30 April 2025